

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Jangkitan HIV naik 2 peratus
23. Feb 2009
Harian Metro
Setempat
336603
2192000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
AdValue

MALAY
22
133 cm2
Daily
Full Color
2873.42



Jangkitan HIV naik 2 peratus

KUALA LUMPUR: Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap kes jangkitan HIV dikalangan wanita menunjukkan peningkatan dua peratus daripada 14 peratus kes pada 2007 kepada 16 peratus tahun lalu.

Ahli Exco Yayasan Pink Triangle (PT Foundation), Khartini Slamah yang mewakili Pengerusi Yayasan, Hisham Hussein berkata, peningkatan itu amat membimbangkan kerana ia hanyalah berdasarkan kes dilaporkan.

Hingga tahun lalu katanya, hanya 82,704 kes jangkitan HIV berjaya dikesan sejak kes pertama pada



SIMBOLIK...Saravanan (tengah) melancarkan majlis sambil diperhatikan Khartini (kiri) dan Zahillah.

1986, sedangkan jumlah penghidapnya mungkin lebih tinggi daripada jangkakan pihak berkuasa.

Menurutnya, ramai daripada penghidap HIV ini

enggan mendapatkan rawatan sepatutnya akibat kurang pengetahuan mengenai cara rawatan disediakan.

"Di samping itu, kita ti-

dak boleh mengandaikan kebanyakan penghidap HIV ialah golongan penagih dadah kerana kini semua orang mendapat jangkitannya jika tidak berhati-hati terutamanya golongan wanita," katanya ketika berucap di Majlis Hari Peringatan Sedunia 2009 dan Pelancaran Projek Kesedaran HIV/AIDS di Kelab Taman Perdana Diraja, Tasik Perdana di sini, semalam.

Program berkenaan dirasmikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M Saravanan. Hadir sama Ketua Pesuruhjaya PPPM, Datin Zahillah Mohd Taib.